

~~UCAPAN: ADHO~~

46

~~325 - 93/79~~

~~227 - 149/78~~

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,

DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA

MERASMIKAN KOMPLEKS PERNIAGAAN

MARA, DI KUALA PILAH, NEGERI

SEMBILAN, PADA HARI SABTU

1HB. JULAI, 1978, JAM 11.00 PAGI.

1. Yang Amat Berhormat Datuk Mansur Othman
Menteri Besar Negeri Sembilan.
Berhormat Mulia, Tengku Razaleigh Stempel
 2. Yang ~~Berbahagia Tan Sri Abdul Aziz Yeop,~~
~~Pengerusi MARA,~~
y. B. Dato A. Smaad Idrus - y. Berhormat Dato
y. B. Dato mufti negeri Sembilan *usaha Kerejawan.*
 3. Yang Berhormat Encik Rais Yatim
~~Timbalan Menteri Hal-ehwal Dalam Negeri.~~
 4. Yang Berhormat Encik Mokhtar Hashim
~~Timbalan Menteri Pertahanan.~~
Dat. A. Aziz, Ketua Pengarah MARA.
Mahmud
 5. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.
y. Berbahagia Tuan Pegawai Daerah.
-

Saya bersyukur kehadiran Allah Sub-ha-nahu wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan izinNYA, dapat saya bersama-sama hadir di majlis

ini, dan seterusnya meresmikan Kompleks Perniagaan MARA di Kuala Pilah.

2. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih, serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada Kerajaan Negeri Sembilan, dan juga pihak MARA, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya di majlis ini.

3. Kompleks Perniagaan MARA ini, merupakan salah satu projek MARA kerana meningkatkan lagi penglibatan dan penyertaan ^{Bumiputra,} ~~orang-orang~~ Melayu ~~dan~~ dan kaum Bumiputra yang lain, dalam

bidang perdagangan dan perusahaan. Memanglah menjadi matalamat MARA, mengadakan kemudahan tempat berniaga seperti ini, serta memberi khidmat nasihat kepada ~~orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra~~, supaya mereka dapat bergerak cergas, dan mencapai kemajuan dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perusahaan.

4. Usahasama MARA dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan, membuktikan hasrat serta kecenderongan yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri, terhadap menjayakan

...4/-

matalamat ini. Kegembelingen tenaga dan modal diantara MARA dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, mencerminkan kerjasama dan persefahaman yang wujud di kalangan agensi-agensi Kerajaan.

5. Sesungguhnya, inilah semangat yang patut ditunjuk oleh Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan, yang sama-sama mempunyai peranan dan tanggungjawab, ke arah pencapaian matalamat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

6. Sebagaimana yang dapat kita perhatikan, arked-arked yang telah dibina, telahpun di isi sepenuhnya oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputra. Dari petunjuk-petunjuk yang telah diperolehi, bolehlah dikatakan bahawa perniagaan yang dijalankan setakat ini, adalah menggalak dan memuaskan.

7. Projek seperti Kompleks Perniagaan MARA ini, merupakan hasrat dan cita-cita Kerajaan Barisan Nasional, sepertimana terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan

Barisan Nasional mempunyai azam yang kuat, bagi menyusun semula hakmilik harta-harta produktif di negara ini, supaya menjelang tahun 1990, ~~orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain~~ akan dapat memiliki dan mengendalikan sekurang-kurangnya 30% dari jumlah hakmilik tersebut.

8. Bidang perdagangan dan perusahaan yang kita saksikan di sini, pada hari ini, memanglah memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan dedikasi yang sepenuhnya. Oleh itu, saya

...7/-

ingin menasihatkan kepada pengusaha-pengusaha Bumiputra, yang telah lama berkecimpung dalam lapangan ini, dan kepada mereka-mereka yang bakal menjadi peniaga-peniaga, supaya jangan mudah berputus asa, sekiranya menghadapi kegagalan semasa mula memasuki lapangan perniagaan.

Sebaliknya, segala kegagalan dan kesulitan yang di hadapi itu, perlulah di jadikan sebagai pendorong dan panduan, demi untuk mencapai kejayaan masa hadapan. Sebagaimana yang seringkali saya sebutkan, kita perlulah melihat ke hadapan, bukan sahaja demi kepentingan diri kita, tetapi untuk kebahagiaan hidup

jenerasi-jenerasi kita yang akan datang.

9. Kompleks Perniagaan MARA, Kuala Pilah ini, merupakan satu projek MARA yang dijalankan secara berpadu atau 'integrated', dalam mana seseorang peniaga Bumiputra itu, diberi pertolongan dan bimbingan yang secukupnya dalam semua aspek perniagaan, dari segi mengesan jenis perniagaan yang perlu dijalankan, memberi bantuan kewangan yang diperlukan, mengadakan ruang tempat perniagaan, dan seterusnya mengadakan ~~perkhidmatan~~ khidmat nasihat dan bimbingan atau susulan, dari awal hingga keakhirnya.

10. Kerajaan Barisan Nasional telah mengarahkan MARA, supaya menumpukan lebih banyak tenaga mereka dalam aspek latihan dan khidmat nasihat. Peruntukan juga telah dan akan ~~seterusnya~~ ditambahkan kepada agensi-agensi seperti MARA, PERNAS EDAR dan agensi-agensi lain, supaya membolehkan mereka mempergiatkan lagi rancangan-rancangan latihan dan khidmat nasihat itu.

11. Di bawah Dasar Ekonomi Baru, usaha-usaha Kerajaan Barisan Nasional dalam menyusun semula masyarakat, khususnya dari segi menambahkan

penyertaan kaum Bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian, telah berjalan dengan pesatnya. Kejayaan yang telah di capai sekarang ini, adalah sangat menggalakkan. Sejak tahun 1971 hingga 1977, MARA, umpamanya, telah berjaya melatih, membimbing dan memajukan lebih daripada 12 ribu peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputra, melalui Rancangan-rancangan Melahir dan Memajukan Usahawan Bumiputra.

12. Di samping MARA, beberapa agensi-agensi Kerajaan yang lain, juga menjalankan rancangan-

rancangan tertentu, untuk memaju serta menjayakan golongan usahawan-usahawan Bumiputra. Agensi-agensi seperti Pusat Daya Pengeluaran Negara, PERNAS EDAR, Bank Pembangunan, Bank Bumiputra, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Kerajaan-kerajaan Negeri, melalui agensi-agensi mereka tersendiri, adalah antara agensi-agensi yang dimaksudkan.

13. Agensi-agensi yang saya sebutkan tadi, menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan khusus, seperti mengadakan kursus-kursus latihan, mengadakan khidmat-khidmat bimbingan dan mengeluarkan pinjaman-pinjaman, mengikut

had-had dan bagi bidang-bidang atau sektor ekonomi tertentu. Bagi menentukan agensi-agensi ini dapat bergerak sebagai satu gabungan yang berkesan, ke arah pencapaian matlamat yang sama, Kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penyertaan Bumiputra Dalam Perdagangan dan Perindustrian, di Peringkat Persekutuan dan di Peringkat Negeri-negeri.

14. Saya sukalah memberi sedikit gambaran, bagi menunjukkan kemajuan-kemajuan yang telah

di capai oleh agensi-agensi Kerajaan Barisan Nasional yang saya sebutkan tadi. Pusat Daya Pengeluaran Negara, misalnya, telah menjalankan kursus-kursus khas untuk peniaga-peniaga Bumiputra. Dalam tahun 1976 hingga 1977, kursus seperti ini, telah memberi manfaat kepada 5 ribu peserta-peserta Bumiputra. PERNAS Edar, melalui Yunit Khidmat Bimbingannya, telah berjaya memajukan lebih kurang 4 ribu peniaga-peniaga runcit dalam tahun 1977 sahaja. Memandangkan kepada kejayaan yang telah di capai oleh Yunit Bimbingan Pernas Edar ini, Kerajaan bercadang menambah peruntukan, supaya membolehkannya memperbesarkan kegiatannya. Dengan jalan ini, lebih ramai

peniaga-peniaga runcit Bumiputra, akan dapat menikmati rancangan tersebut.

15. Kementerian Kebudayaan/dan Sukan, ^{Belia} telah juga mengadakan kursus-kursus peniagaan, yang telah memberi faedah kepada lebih daripada 1 ribu peserta-peserta Bumiputra dalam tahun 1976 hingga 1977. Kerajaan-Kerajaan Negeri dengan sendirinya, juga telah menjalankan rancangan-rancangan untuk menggalakkan kaum Bumiputra memasuki lapangan perniagaan dan perusahaan. Melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, banyak bangunan-

bangunan, rumah-rumah kedai, gerai-gerai dan ruang-ruang niaga, telah dibina dan disediakan, khusus untuk peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha Bumiputra.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan, merupakan sebuah negeri ~~di negara ini~~ yang boleh dianggap sebagai pelupur dalam bidang *pe-ngus-sa-hawan* pembangunan pengusahawan. Taraf ini, telah di capai berasaskan kepada pentadbiran negeri yang baik dan cekap. Di bandar Seremban, dan bandar-bandar kecil yang lain, umpamanya,

Kerajaan Negeri telah berjaya mengwujudkan
berbagai peluang ~~peluang~~ untuk disertai oleh
~~kaum~~ Bumiputra. Mungkin tidak keterlaluan,
juga sekiranya saya sebutkan bahawa, bagi tahun
1978 ini, banyak lagi rancangan-rancangan
pembangunan akan dijalankan. Antara ^{nya,}termasuklah
pelaburan sebanyak lebih kurang \$5.6 juta oleh
Kerajaan Barisan Nasional Negeri, dalam beberapa
bidang ekonomi negeri ini.

17. MARA dijangka akan mengeluarkan 358
pinjaman ~~pinjaman~~, dan akan memulakan tiga
perusahaan kecil dalam tahun yang sama. ...17/-

PERUDA pula, dijangka akan melabur setengah juta ringgit, dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sembilan, akan membuka sebuah estate perindustrian yang baru di kawasan Chembong.

Ini adalah antara beberapa rancangan pembangunan yang telah dirangka dan dirancang, dan yang akan dilaksanakan bagi Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sembilan ini. Saya mempunyai penuh keyakinan, bahawa Negeri Sembilan mempunyai masa hadapan yang ~~sangat~~ cerah.

18. Saya sukalah mengambil kesempatan ini, mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan

di atas kejayaan ini.

Nasional Negeri Sembilan ~~yang di ketuai oleh~~
~~Datuk Mansur Othman di atas kejayaan ini.~~
~~Tidaklah boleh dinafikan bahawa Negeri Sembilan~~
~~di bawah pimpinan Datuk Mansur telah memperoleh~~
~~banyak kemajuan.~~

19. Saya sukalah mengucapkan terima kasih,
 serta penghargaan kepada Datuk Mansur di atas
 khidmat dan jasa ~~cemerlangnya~~^{*nya*}, serta kerjasama
~~dan persefahaman~~^{*di antara Kerajaan negeri Sembilan*} dengan Kerajaan Persekutuan.

20. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan
 terima kasih dan penghargaan, kepada semua pihak

yang telah menjayakan majlis ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

21. Dengan ini, saya dengan nama Allah,
Yang maha pemurah, lagi maha penyayang,
mengisytiharkan Kompleks Perniagaan MARA
Kuala Pilah ini, dibuka dengan resminya.

Terima kasih.





No Siri 383
No Penerimaan 47 / 79